

PERBILANGAN ADAT PERPATIH: PENILAIAN DARI SEGI ETIK DAN ESTETIKA

Oleh

AZIZAH BINTI UJANG

Latihan Ilmiah ini dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat
memperolehi Ijazah Sarjanamuda Sastera Sastera dengan Kepujian

Jabatan Persuratan Melayu
Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi, Selangor
Sesi 1983/84

ISI KANDUNGAN

Penghargaan

Pengenalan i – ii

BAB 1

1.1.	Pengertian Adat	1
1.2.	Sistem Adat Perpatih	2
1.2.1.	Sistem Nilai	2
1.2.2.	Sistem Kekeluargaan	8
1.2.3.	Sistem Politik	16

BAB 2

2.1	Sistem Pusaka	18
2.1.1	Pusaka Sendiri (Pusaka pakaian diri sendiri)	18
2.1.2	Harta Carian	18
2.1.3	Harta Pembawa	19
2.1.4	Harta Dapatan	20
2.2	Sistem Perwarisan Harta	20
2.3	Pengaruh Sosio-budaya terhadap susunan perwarisan Adat Perpatih	26

BAB 3

	Hukum Faraid	30
3.1.	Definisi Faraid	30
3.2.	Hukum Perwarisan Harta Di Dalam Al-Quran	31
3.3.	Rukun Pepusakaan, Sebab, Syarat dan Halangannya	33
3.4.	Sistem Pembahagian Harta Menurut Syarak	38
3.4.1.	Waris Yang Menerima Pusaka	39
3.4.2.	Pembahagian Pusaka Mengikut Bahagian	39

3.5.	Pusaka Suami Isteri Secara Terperinci	42
3.5.1.	Syarat Pepusakaan Melalui Perkahwinan	42
3.6.	Kedudukan Waris-Waris ‘Ashab al-Furud’ Di Dalam ‘Fard’ Mereka dan Hak-Hak Lain	43
3.7.	‘Asabah’ Pengertian Dan Pembahagiannya	48
3.8.	Hijab, Pengertian Dan Bahagian-Bahagiannya	51
3.9.	Keadilan Pepusakaan Di Dalam Islam	53

BAB 4

	Persoalan Perhubungan Harta Dalam Adat Perpatih	55
4.1.	Konsep Harta	55
4.2.	Sistem Pembahagian Harta	57

BAB 5

	Pandangan Penulis Terhadap Sistem Pembahagian Harta Di Antara Adat Perpatih Dan Hukum Syarak	67
--	--	----

	BIBLIOGRAFI	72
--	-------------	----

PENGENALAN

1. Kepentingan Kajian

Masyarakat Melayu merupakan masyarakat yang kaya dengan nilai kebudayaannya sendiri. Kebudayaan yang di dokong oleh masyarakat Melayu meliputi segala aspek kehidupan termasuklah sistem sosial, sistem politik, sistem perekonomian, sistem organisasi dan sistem kepercayaan.

Sebahagian dari nilai ini dilihat melalui perbilangan Adat Perpatih yang terdapat di Negeri Sembilan. Perbilangan yang terdapat dalam sistem Adat Perpatih mencerminkan hubungan rapat dalam kehidupan sehari-hari manusia. Melalui nilai ini diperlihatkan bagaimana perkembangan sesuatu masyarakat itu. Dari gambaran nilai ini kita dapat menyelami jiwa, pemikiran dan falsafah serta cara hidup masyarakat tersebut. Di samping itu, perbilangan Adat Perpatih juga mengandungi nilai estetika atau nilai keindahan yang harus diambil perhatian.

2. Tujuan Kajian

Banyak kajian dan penulisan telah dilakukan tentang Adat Perpatih di Negeri Sembilan oleh para pensyarah dan mahasiswa/i dengan membawa tajuk-tajuk menarik. Antaranya ialah kajian dari sudut sosial dan ekonomi iaitu kajian yang menyentuh institusi perkahwinan, institusi kekeluargaan dan kajian dari segi tanah pusaka. Walaupun telah banyak kajian dibuat, namun masih terdapat aspek lain yang belum terbongkar untuk pengetahuan umum. Dalam kajian ini, penulis akan mengupas nilai etik yang terkandung dalam sistem Adat Perpatih. Penulis juga akan mengkaji nilai-nilai estetika atau keindahan yang terdapat dalam perbilangan tersebut.

3. **Skop Kajian**

Kawasan yang mengamalkan Adat Perpatih ini terhad iaitu kawasan Negeri Sembilan dan Alur Gajah, Melaka. Penulis tidak menghadkan kajian kepada mana-mana kawasan yang lebih kecil sebagai sampel kajian. Satu penulisan menyeluruh yang menyentuh perbilangan Adat Perpatih merupakan skop kajian ini.

4. **Masalah Kajian**

Masalah yang timbul ialah masyarakat Adat Perpatih sendiri yang kurang faham beberapa aspek dari adat tersebut kerana adat ini bukan terdapat secara terperinci. Mereka yang tahu selok belok Adat Perpatih ialah terdiri dari ketua-ketua Adat atau Pemimpin Masyarakat yang tinggal di merata bahagian perkampungan menimbulkan masalah kepada pengkaji.

5. **Kaedah Kajian**

Penulis akan membuat kajian luar dan juga menggunakan bahan rujukan yang di perpustakaan. Penulis juga menemubual Ketua Adat di Kampung Pulau Besar (Negeri Sembilan) iaitu Encik Manap Osman dan Ketua Adat di Felda Bukit Jalor iaitu Encik Mat Sar bin Shadi. Di samping itu penulis juga menemubual secara tidak langsung dengan beberapa orang yang mengetahui serba sedikit tentang perbilangan Adat Perpatih.

Penulis juga menggunakan kemudahan perpustakaan di mana terdapat beberapa kajian yang dibuat oleh pensyarah dan mahasiswa/i. Penulis juga melihat perbilangan yang telah dikumpulkan oleh beberapa orang penulis dan pengkaji dalam bentuk buku dan majalah.

BAB 4

PERSOALAN PEMBAHAGIAN HARTA DALAM ADAT PERPATIH

Pembahagian harta di dalam Adat Perpatih menimbulkan banyak persoalan dari beberapa aspek jika dibuat perbandingan dengan hukum faraid, iaitu cara pembahagian harta dalam Islam. Aspek-aspek yang menimbulkan persoalan itu boleh digariskan seperti di bawah dan akan dihuraikan satu persatu:

1. Konsep harta dalam Adat Perpatih
2. Sistem pembahagian harta:
 - a. Harta carian bujang
 - b. Harta carian gadis
 - c. Harta peninggalan isteri
 - d. Harta peninggalan suami

4.1 Konsep harta:

Sebelum mengkaji lebih mendalam tentang persoalan yang timbul dalam sistem pembahagian harta Adat Perpatih, agak perlu diperhatikan tentang konsep harta pusaka di dalam adat tersebut untuk dibuat perbandingan dengan konsep harta pusaka menurut Islam. Pada pendapat penulis, inilah konsep asas yang berbeza sekali dari segi harta sehingga menimbulkan pula persoalan dalam aspek-aspek lain tentang pembahagian harta tersebut.

Menurut pandangan Islam, harta pusaka ialah harta peninggalan si mati setelah diselesaikan segala keperluan seperti keperluan penyelenggaraan pengkebumian mayat, membayar hutang-hutang si mati dan menunaikan wasiat. Harta yang tinggal, baki dari keperluan-keperluan di atas tadi merupakan harta pusaka yang akan dibahagi-bahagikan kepada waris si mati. Harta pusaka itu adalah harta yang menjadi milik si mati dari yang sekecil-kecilnya sampai kepada yang sebesar-besarnya. Harta pusaka itu pula boleh

berupa sawah ladang, kedai, pakaian, perhiasan-perhiasan, barang-barang perniagaan, hutang-piutang dan sebagainya. Sebelum pembahagian harta dijalankan penting dilakukan penilaian terhadap harta pusaka tersebut.

Membuat penilaian ke atas harta pusaka itu ada kepentingannya. Hal ini akan menentukan dan memudahkan pembahagian harta pusaka dijalankan. Setiap waris yang tinggal, tidak mendapat jumlah bahagian harta mengikut kehendak sendiri. Malah mereka akan mendapat bahagian-bahagian yang telah ditentukan oleh al-Quran seperti satu perdua, satu pertiga satu perempat, satu perenam dan satu perlapan dari kesemua jumlah harta pusaka yang dinilai.

Bahagian-bahagian yang telah ditentukan di dalam al-Quran itu diberikan kepada orang-orang yang tertentu mengikut darjatnya berdasarkan kepada waris yang paling hampir, diikuti pula oleh waris-waris yang lain. Waris-waris yang rapat dengan si mati itu misalnya di antara suami dan isteri, andainya si suami meninggal dunia, warisnya yang rapat ialah isterinya dan sekiranya si mati meninggalkan anak, ia merupakan waris yang kedua hampir dengan si mati. Setelah itu barulah dimasukkan ibu bapa dan saudara-saudara yang lain. Untuk menentukan sama ada seseorang itu menjadi waris kepada si mati adalah berdasarkan kepada dua cara. Cara pertama: melalui jalan perkahwinan khususnya di antara suami isteri. Cara kedua ialah dengan jalan kekerabatan atau hubungan darah misalnya di antara ibu bapa dan anak juga dengan saudara-saudara yang lain.

Pemberian harta pusaka dari si mati kepada yang hidup mempunyai beberapa faedahnya. Faedah yang paling nyata ialah agar harta yang ditinggalkan itu mendapat penjagaan dan pengendalian dari yang mempusakainya. Dari sudut lain pula, kematian seseorang itu dapat kita terima dan hadapi dengan penuh ketabahan kerana kehilangannya dari kehidupan kita bukanlah bermakna mereka yang tinggal itu akan kehilangan segalanya, istimewa pula jika si mati itu menjadi tempat pergantungan seluruh keluarganya.

Setelah memahami konsep harta pusaka yang serba ringkas menurut pandangan Islam yang menyeluruh dan merangkumi semua benda dari yang sekecil-kecilnya hingga kepada sebesar-besarnya, timbul pula persoalan tentang konsep harta pusaka menurut Adat Perpatih. Konsep harta pusaka dalam masyarakat Adat Perpatih berbeza dengan konsep harta pusaka mengikut pandangan Islam.

Di samping harta pusaka, terdapat beberapa jenis harta lagi yang pada pengertiannya adalah sama. Ini dapat kita buktikan dengan membandingkan deretan jenis barang atau benda yang dinamakan harta pusaka itu seperti tanah, rumah, sawah dan ladang juga terdapat di dalam pengertian harta carian, harta pembawa dan harta dapatan. Cuma yang membezakan harta-harta tersebut ialah dari segi sumber mendapatkannya, cara pemilikannya dan cara pembahagian. Kalau menurut pandangan Islam, kesemua itu diistilahkan sebagai harta pusaka asal sahaja ia berupa hak milik si mati tanpa membezakan di antara harta carian bujang, carian suami isteri atau carian janda. Oleh kerana konsep harta di antara kedua-dua sistem itu berbeza, maka tidak hairanlah jika cara pembahagian harta tersebut juga menimbulkan beberapa kekeliruan dan kesamaran dengan sistem pembahagian harta mengikut hukum syarak. Di bawah ini akan dihuraikan pula secara perbandingan akan ketidakpekaan sistem pembahagian harta di dalam Adat Perpatih dengan hukum faraid mengikut jenis-jenis harta di dalam adat tersebut.

4.2 Sistem Pembahagian Harta:

a. Harta Carian Bujang:

Dalam masyarakat Adat Perpatih, jika seseorang lelaki bujang meninggal dunia dan meninggalkan harta yang dicari hasil titik peluhnya sendiri, harta itu akan diturunkan kepada warisnya iaitu keluarga perempuannya yang terdekat misalnya adik perempuan seibu sebapa.

Dari segi penentuan waris yang terdekat, telah menampakkan perbezaan nyata jika dibandingkan dengan hukum faraid. Mengikut pendapat ulamak-ulamak faraid, oleh kerana si mati itu seorang bujang, maka warisnya yang paling hampir ialah kedua ibu bapanya. Cara pembahagiannya pula ialah, jika si mati tidak mempunyai ibu, bapanya akan mendapat seluruh harta peninggalannya. Jika kedua-dua ibu bapanya masih hidup, cara pembahagiannya seperti yang telah ditetapkan oleh al-Quran ialah ibu mendapat satu pertiga dan ayah mendapat dua pertiga iaitu baki dari harta peninggalan setelah diberikan bahagian si ibu. Bermakna, bapa mendapat bahagian yang lebih dari si ibu kerana bapa sebagai ketua di dalam rumah tangga dan pentadbirannya maka pembahagian yang lebih dari si ibu kerana bapa sebagai ketua di dalam rumah tangga dan pentadbirannya maka pembahagian yang lebih kepadanya sangat bersesuaian.

b. Harta Carian Gadis:

Cara pembahagian harta peninggalan gadis yang meninggal dunia mempunyai persamaan dengan cara pembahagian harta seorang lelaki bujang di kalangan masyarakat Adat Perpatih iaitu harta itu akan jatuh kepada saudara perempuannya yang terdekat iaitu saudara perempuan seibu sebapa.

Menurut hukum faraid, seperti juga halnya dengan harta seorang lelaki bujang yang meninggal dunia, maka harta peninggalan seorang gadis juga berhak dipusakai oleh kedua ibu bapanya yang merupakan waris yang paling hampir dengan si mati.

Di dalam kedua-dua jenis harta tersebut, masyarakat Adat Perpatih tidak menentukan berapakah pembahagian yang sepatutnya diterima oleh waris iaitu saudara perempuan si mati.

c. Harta peninggalan suami :

Perwarisan harta carian suami isteri di dalam masyarakat Adat Perpatih, dinyatakan di dalam kata-kata berirama di bawah :

‘Mati laki, tinggal ke bini
Mati bini, tinggal ke laki
Mati laki bini tinggal ke anak

Maksud dari kata-kata berirama di atas ialah, jika suami meninggal dunia, harta peninggalan akan diberikan kepada isterinya. Begitu juga dengan harta isteri yang meninggal dunia, akan jatuh kepada suaminya. Apabila kedua-duanya meninggal dunia, harta mereka akan diberikan kepada anak-anak yang menjadi waris dari harta peninggalan tersebut. Walaupun harta itu telah ditentukan warisnya tetapi timbul persoalan di dalam fikiran kita iaitu bagaimanakah jumlah bahagian yang sepatutnya diberikan kepada waris itu. Di sini menampakkan ketidakpekaan di dalam sistem pembahagian harta Adat Perpatih.

Paling mengelirukan kita ialah dengan anggapan masyarakat Adat Perpatih ini bahawa anak bukannya waris jika mengikut nisab bapa. Bagi seseorang lelaki yang meninggal dunia, walaupun ada anak, prinsip pertalian darah tidak menentukan keutamaan waris. Ini disebabkan anak itu bukan sesuku dengan si mati, tetapi ia dimasukkan ke dalam suku isteri atau ibunya dan hanya menjadi waris dari ibunya sendiri. Oleh yang demikian jika yang meninggal dunia itu seorang perempuan yang sudah berkahwin dan mempunyai turunan atau anak waris yang terdekat ialah anak-anaknya, baik lelaki mahu pun perempuan.

Terdapat sedikit persamaan dari segi penentuan waris yang mendapat harta pusaka peninggalan suami di antara Adat Perpatih dan hukum faraid. Menurut hukum faraid, kalau suami meninggal dunia, harta pusakanya akan diwarisi oleh isterinya. Sekiranya ia meninggalkan anak, bahagian si anak juga telah ditentukan berdasarkan al-Quran. Kalau dikaji sistem pembahagian harta mengikut hukum faraid, pembahagian harta mengikut hukum faraid, pembahagiannya memang seimbang. Setiap waris yang ditinggalkan oleh si mati akan menerima bahagiannya mengikut darjatnya. Ini jelas kita lihat di dalam sistem pembahagian harta peninggalan suami ini. Kalau suami mati tanpa anak, isterinya akan mendapat satu perempat bahagian dari hartanya. Andainya si suami

meninggalkan anak, maka isteri tadi mendapat satu perlapan. Jika isteri itu berbilang-bilang seperti dua, tiga atau empat orang, mereka akan berkongsi pada bahagian yang telah disebutkan di atas dengan mendapat bahagian yang sama rata iaitu satu perlapan dibahagi dengan jumlah isteri yang ada. Terdapat pula penerangan yang jelas di dalam hukum faraid tentang sistem pembahagian harta apabila berlaku perceraian. Isteri yang dalam 'idah yang boleh dirujuki oleh suaminya, mendapat bahagiannya (pusakanya) juga dari suami yang meninggal dunia. Sebaliknya bila 'idah itu sudah habis, ia tidak mendapat pusaka lagi.

Kita pasti merasa kurang berpuas hati dengan sistem pembahagian harta di dalam Adat Perpatih apabila berlaku perceraian. Keadaan ini jelas apabila berlaku perceraian hidup, harta carian bujang atau janda akan dikembalikan semula kepada yang empunya. Kalau si suami mempunyai harta carian semasa bujang, maka harta itu akan dikembalikan kepada pihak suami semula. Begitu juga sebaliknya bagi harta kepunyaan isteri. Harta carian yang di cari bersama iaitu harta carian suami isteri akan dibahagikan di antara keduanya apabila berlaku perceraian. Untuk memudahkan penyelesaian, harta-harta yang bernilai seperti barang-barang kemas, alat-alat perhiasan dan perabot akan dinilai harganya.

Pada pandangan penulis, cara ini membawa implikasi yang buruk terhadap pihak isteri. Andainya si isteri tidak bekerja iaitu mereka tidak bersama-sama mencari dan mengumpul harta semasa hidup dalam suasana sebagai suami isteri, di manakah hak si isteri untuk mendapatkan harta setelah diceraikan oleh suami. Ini bererti kata-kata berirama yang berbunyi 'carian bahagi' itu tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya. Ini disebabkan pihak isteri tidak mempunyai peranan dalam mencari harta di samping suami. Azizah Kassim³⁴ berpendapat bahawa terdapat sedikit kelonggaran di dalam hal pembahagian harta ini apabila berlaku perceraian. Menurut masyarakat Adat Perpatih, anak-anak termasuk di dalam suku si ibu, oleh itu apabila berlaku perceraian, biasanya anak-anak ini akan dipelihara oleh si ibu tersebut. Lazimnya apabila berlaku perceraian, sibapa bersetuju memberikan bahagiannya di dalam harta carian kepada anak-anak.

³⁴ Kedudukan Wanita Dalam Masyarakat Melayu Beradat Perpatih, hal:162

Beban yang ditanggung oleh isteri yang telah diceraikan oleh suami sangat berat kerana terpaksa pula menanggung sara hidup anak-anak di samping diri sendiri.

d. Harta Peninggalan Isteri:

Di dalam masyarakat Adat Perpatih, seseorang isteri yang meninggal dunia, harta peninggalannya akan diturunkan kepada warisnya yang terdekat iaitu anak-anaknya, baik lelaki mahu pun perempuan. Penentuan waris ini bukan berdasarkan hubungan perkahwinan seperti yang terdapat di dalam penentuan waris mengikut hukum syarak iaitu si suami merupakan waris yang hampir dengan isteri diikuti oleh anak-anak . Mengikut pengertian waris mengikut masyarakat Adat Perpatih, jika digalurkan kepada pihak perempuan, warisnya yang terdekat ialah menurut hubungan darah dan mengutamakan garis ke bawah kepada anak-anaknya dan cucunya melalui anak perempuan.

Terdapat perbezaan di dalam sistem pembahagian harta peninggalan isteri di antara Adat Perpatih dan hukum syarak kerana berdasarkan penentuan waris tadi. Dalam Adat Perpatih, hanya anak-anak sahaja yang akan menerima harta peninggalan ibunya tanpa ada bahagian untuk suami seperti yang dilakukan oleh sistem pembahagian harta mengikut penentuan hukum faraid. Mengikut hukum faraid, jika isteri meninggal dunia, harta pusakanya akan diserahkan kepada warisnya yang terdekat. Waris yang terdekat itu ialah suami kemudian diikuti pula oleh anak-anak (anak dari anak lelaki) dan saudara lelaki seibu se bapa. Bahagian yang telah ditetapkan oleh syarak bagi suami di dalam menerima harta pusakanya dari harta peninggalan isteri ialah satu perdua jika isterinya tidak mempunyai anak. Andainya ada anak maka suami akan mendapat satu perempat bahagian.

Untuk mendapatkan gambaran yang jelas tentang pembahagian harta peninggalan isteri kepada waris-warisnya, di bawah ini diturunkan data yang menentukan bahagian yang didapati antara seorang waris dengan waris yang lain mengikut keutamaannya.

DATA I :

a. waris	:	Suami	Anak lelaki
b. Bahagian	:	Satu perempat	Tiga perempat (baki)

Keterangan Data I:

Apabila isteri mati dan meninggalkan anak sama ada anak dari suami sebelumnya atau suami itu, maka suami sebagai waris yang paling hampir akan mendapat satu perempat bahagian dari harta pusaka peninggalan isteri. Sementara itu, anak lelaki pula akan mendapat tiga perempat bahagian iaitu baki dari harta yang tinggal setelah dibahagikan peruntukan si suami. Bahagian suami sebanyak satu perempat itu merupakan jumlah yang telah ditentukan oleh hukum syarak. Anak lelaki pula adalah waris yang mendapat 'asabah' iaitu bahagian yang tidak tertentu jika harta telah dihabisi atau dibahagikan kepada ahli waris yang mendapat 'furud'.

Di sini dapat dibuat interpretasi tentang pembahagian harta pusaka yang berbeza terhadap suami dan anak lelaki. Kalau diperhatikan dari pembahagian tersebut, anak lelaki menerima tiga perempat dari kesemua jumlah harta pusaka tinggalan ibunya. Dari segi kebolehan mengendalikan harta, tidak dapat dinafikan bahawa orang lelaki lebih berkemampuan sama ada untuk menjaganya atau menambah jumlah harta tersebut. Oleh itu sewajarnya anak lelaki yang masih tegap itu memperolehi kelebihan habuan daripada ayahnya. Lebih-lebih lagi, anak lelaki dapat pula menyara keluarga-keluarga dan saudara mara lain yang di dalam kesusahan terutama terhadap ayah yang telah tua. Pemberian harta pusaka yang banyak jumlahnya terhadap anak lelaki memang bertepatan dan wajar³⁵

³⁵ Hal ini akan dibincangkan di bawah tajuk yang akan menyusul nanti.

DATA 2:

a. waris	:	Suami	Saudara lelaki seibu sebapa
b. Bahagian	:	Satu perdua	Satu perdua (baki)

Keterangan Data 2:

Oleh kerana isteri yang meninggal dunia itu tidak mempunyai anak, maka suami mendapat satu perdua mengikut ketetapan di dalam hukum syarak. Sementara itu harta yang selebihnya diberikan kepada saudara lelaki seibu sebapa kepada isteri yang terdiri dari golongan 'asabah' iaitu mereka yang mendapat bahagian tidak tertentu setelah harta itu diambil oleh ahli 'furud'.

Pembahagian harta pusaka kepada waris yang ada hubungan darah dengan si mati dapat kita fahamkan sebagai satu amanah dari isteri yang meninggal dunia tanpa meninggalkan anak, agar saudara itu tadi dapat dipertanggungjawabkan untuk membela si suami tadi, misalnya ketika si suami (ayahnya) dalam keadaan sakit atau di waktu tua dan tidak berdaya lagi. Dengan cara ini hubungan sesama manusia istimewa pula mereka yang mempunyai tali persaudaraan akan tetap ujud walaupun saudara yang hampir telah meninggal dunia.

DATA 3:

a. waris	Suami	Anak perempuan	Saudara lelaki seibu sebapa
b. Bahagian	Satu perempat	Satu perempat	Satu perempat

Keterangan Data 3:

Di dalam data ini, waris-waris yang ada terdiri dari suami, anak perempuan dan saudara lelaki seibu sebapa. Suami dan anak perempuan merupakan waris yang mendapat bahagian tertentu seperti yang telah ditetapkan oleh syarak. Bahagian yang didapati oleh suami ialah satu perempat sebagaimana juga pembahagian yang berlaku sekiranya isteri mati meninggalkan anak lelaki. Anak perempuan pula mendapat satu perdua bahagian. Oleh kerana dari jumlah harta yang telah dinilai itu setelah dibahagi-bahagikan kepada waris yang mendapat 'furud' tadi masih ada bakinya, maka saudara lelaki yang seibu sebapa dengan si mati dari golongan yang mendapat bahagian yang tidak dapat ditentukan bahagiannya (menerima 'asabah').

Andainya anak perempuan yang ditinggalkan oleh si isteri tadi terdiri dari dua orang, maka pembahagian kepada kedua anak perempuan itu ialah dua pertiga. Jumlah ini akan dibahagikan sama rata di antara keduanya.

Kesimpulannya :

Berdasarkan perbandingan yang telah diuraikan di antara sistem pembahagian harta di dalam Adat Perpatih dengan sistem pembahagian harta mengikut hukum syarak, terdapat beberapa aspek yang bersamaan, bertentangan dan aspek yang menimbulkan kesamaran.

Aspek yang bersamaan ialah pembahagian harta pusaka kepada anak-anak apabila isteri meninggal dunia. Tetapi tidak diterangkan berapakah jumlah pembahagian terhadap anak lelaki dan anak perempuan. Hal ini merupakan satu kesamaran di antara Adat Perpatih dengan hukum syarak.

Aspek yang bertentangan dan paling menonjol ialah masyarakat Adat Perpatih lebih mengutamakan anak perempuan di dalam mewarisi harta pusaka sedangkan waris lelaki mendapat harta soko³⁶. Jika mengikut hukum syarak, keutamaan diberikan kepada warid lelaki di atas sebab-sebab tertentu³⁷ namun demikian bahagian kaum perempuan tidak diketepikan tetapi menerima separuh ari apa yang dimiliki oleh waris lelaki.

Aspek yang menimbulkan kesamaran dan kekeliruan di dalam sistem pembahagian harta Adat Perpatih ini ialah tentang konsep harta pusaknya di samping beberapa konsep harta lain seperti harta carian, harta pembawa dan harta dapatan. Konsep harta pusaka mengikut hukum syarak ialah semua harta peninggalan si mati setelah ditunaikan kewajipan seperti penyelenggaraan pengebumian mayat, membayar hutang-hutang si mati dan melaksanakan wasiat-wasiat si mati tanpa mengira besar atau kecil harta tersebut. Manakala konsep harta pusaka di dalam Adat Perpatih amat mengelirukan kerana ia lebih mementingkan milik suku. Di samping harta pusaka terdapat pula jenis-jenis harta lain yang diistilahkan berdasarkan sumber harta itu didapati.

³⁶ Harta soko ini misalnya keris, songkok, baju dan alat-alat perhiasan si mati.

³⁷ Sebab-sebab kaum lelaki menerima bahagian yang lebih dari kaum perempuan akan dibincangkan di dalam bab 5 nanti.

Kesamaran lain yang timbul ialah tentang nisbah pembahagian di antara waris-warisan perempuan sendiri yang menerima harta pusaka. Cuma dinyatakan, kebiasaannya anak perempuan yang bongsu akan menerima harta pusaka yang terdiri dari tapak rumah, rumah pusaka. Bahagian anak-anak perempuan yang lain penerangannya amat kabur.

1. Harta soko misalnya keris, songkok, baju dan alat-alat perhiasan si mati
2. Sebab-sebab kaum lelaki menerima bahagian yang lebih dari kaum perempuan akan dibincangkan di dalam bab 5 nanti.

BIBLIOGRAFI

Senarai buku-buku rujukan :

1. A Dictionary of the Social Sciences, Tavistock Publications, Great Britain, 1964
2. Abdul Rahman bin Hj. Muhammad, Dasar-dasar Adat Perpatih, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1964.
3. Abdullah Siddik, Pengantar Undang-undang Adat Perpatih di Malaysia, University Malaya, Kuala Lumpur, 1975.
4. Al-Haji Othman bin Al-Haji Mohd Said, Kitab Pendahuluan Faraid, (Penggal I), Al-Ahmadiyah Press, Singapore 4, 16/67, 1968.
5. Azizi Deraman, Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Kuala Lumpur, 1975.
6. Hasbi Ash Shiddieqy, Prof., Fiqhul Mawaris. Hukum-hukum Warisan Dalam Syari'at Islam, Bulan Bintang, Jakarta, 1973.
7. Hassan, A., Al-Furqan (Tafsir Quran), Penerbit PAP, Kelantan, 1974.
8. Hooker, Readings in Malay Adat Laws, Singapore University Press, Singapore, 1970.
9. _____, Adat Laws in Modern Malay, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972.
10. Koentjaraningrat, Pengantar Antropologi, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1970.
11. Mawardy Muhammad, Ilmu Faraid, Penerbit Sa'adijah Putra, Padang Panjang, 1966.
12. Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1976.
13. Umar Abdullah, Ahkam al Mawaris fi al Syariah ak-islamiah, Cetakan ke 4, 1966.

Senarai Latihan Ilmiah:

14. Azizan Kassim, Kedudukan Wanita Dalam Masyarakat Melayu Beradat Perpatih di Negeri Sembilan, Tesis M.A., University Malaya Kuala Lumpur, 1969.
15. Mat Zean Aziz, Tanah Pusaka Dalam Adat Perpatih, Latihan Ilmiah Tahun Kepujian, University Malaya, Kuala Lumpur, 1977/78.
16. Ujang bin Tahar, Adat Kekeluargaan Di Kalangan Masyarakat Melayu, Bentung, Pahang dan Pandangan Islam Terhadapnya, Latihan Ilmiah Tahun Kepujian, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1975/76.

Kertas Seminar :

17. Abbas bin Haji Ali, Haji., Sebahagian Dari Dasar Hidup, Kertas kerja Seminar Persejarahan Adat Perpatih, Anjuran Majlis Belia Negeri Sembilan, Pada 10 – 12 April 1974, (stensilan).
18. Abdllah Siddik, Adat Modenisasi, Kertas kerja Seminar Persejarahan Adat Perpatih, Anjuran Majlis Belia Negeri Sembilan, Pada 10 – 12 April 1974, (stensilan).
19. Idris bin Haji Tain, Beberapa Konsep Penting Dalam Sistem Adat Perpatih, Kertas kerja Seminar Persejarahan Adat Perpatih, anjuran Majlis Belia Negeri Sembilan, Pada 10 – 12 April 1974, (stensilan).
20. Samad Idris, Datuk, Kemurnian Dalam Adat Perpatih, Kertas kerja Seminar Persejarahan Adat Perpatih, anjuran Majlis Belia Negeri Sembilan, Pada 10 – 12 April 1974, (stensilan).